

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Alumni kecewa UM tidak sertai Apex

06. Sep 2008

Utusan Malaysia

Dlm Negeri

238082

833287

Language

MALAY

Page No

25

Article Size

138 cm²

Frequency

Daily

Color

Full Color

AdValue

1944.76



Alumni kecewa UM tidak sertai Apex

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Persatuan Alumni Universiti Malaya (PAUM) kecewa apabila universiti itu tidak dipilih bagi menyertai Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (Apex), sebaliknya Universiti Sains Malaysia (USM) yang mendapat status tersebut.

Presiden PAUM, Datuk Noordin Abd Razak dalam satu kenyataan hari ini berkata, PAUM hairan bagaimana universiti tertua yang juga diberi ranking dunia ke-246 diketepikan sementara USM yang ranking dunianya lebih rendah iaitu di tempat 307 dipilih

untuk diberikan status itu.

Menurutnya, kajian Sistem Penarafan IPT Malaysia (SETARA) yang diumumkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada April lalu mendapati UM mencapai tahap cemerlang dengan mendapat taraf lima bintang dan USM hanya mendapat taraf tiga bintang.

"UM adalah universiti tempatan yang mempunyai paling banyak program akademik yang diiktiraf oleh agensi dan pertubuhan antarabangsa dan merupakan universiti yang menerbitkan paling banyak makalah berkualiti dalam jurnal-jurnal terkemuka dunia," katanya.

Katanya, PAUM berpendapat pemilihan tersebut perlu dibuat secara lebih telus dan terbuka serta kriteria yang digunakan perlu dinyatakan dengan sebaik mungkin agar universiti tempatan yang lain tidak merasakan pemilihan tersebut tidak adil.

USM dipilih untuk menyertai Apex pada Rabu lepas dengan mengetepikan tiga universiti lain iaitu Universiti Malaya, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pemilihan USM adalah berdasarkan kepada pelan transformasi dan kesediannya untuk berubah seperti yang terkandung dalam kertas cadangannya, memenuhi kriteria pemilihan yang diperlukan.

Mengenai UM sebagai universiti tertua negara yang tidak terpilih, Mohamed Khaled berkata: "Pemilihan USM tidak bermaksud universiti lain akan dipinggirkan sebaliknya diharapkan ia akan menjadi peranggang kepada universiti yang tidak terpilih untuk terus berusaha mencapai status yang lebih baik dan bertaraf dunia."

- Bernama